

Bab 7

Kesimpulan.

Sejarah Melayu bolehlah dianggap sebagai sebuah dokumen yang menggambarkan perkembangan tamadun manusia Melayu pada abad ke-15. Tamadun yang digambarkannya adalah bersifat evolusi. Dari segi sejarah Melaka hanyalah sebuah perkampungan nelayan tetapi setelah dibuka oleh Raja Iskandar Syah pada awal abad ke-15, Melaka beransur-ansur berkembang menjadi sebuah kota perdagangan antarabangsa yang terpenting didunia sebelah sini. Selain faktor geografi, faktor migrasi memainkan peranan penting ke arah pembentukan kota Melaka sebagai kota **madani**. Orang-orang Melayu yang berhijrah dari Palembang ke Singapura dan akhirnya ke Melaka berinteraksi pula dengan manusia lain yang datang dari tamadun yang berbeza.

Suasana yang mencabar menggerakkan kreativiti manusia untuk keluar daripada cabaran tersebut. Raja-raja dan para pembesar Melaka berjaya memimpin rakyatnya mengharungi cabaran-cabaran sama ada dari dalam mahupun dari luar. Ancaman serangan Siam dapat dipatahkan melalui kebijaksanaan dan kreativiti Tun Perak. Di bawah pimpinannya Melaka berjaya dibina menjadi sebuah negara kota yang disegani dan membina empayar Melayu diseluruh Tanah Melayu dan pesisiran pantai timur Sumatra.

Faktor *asabiyah* seperti yang diperkatakan oleh Ibn Khaldun turut membantu mempercepatkan pembinaan tamadun Melayu Melaka. Semangat *asabiyah* dibina melalui konsep daulat dan derhaka. Orang-orang Melayu yang menerima raja-raja Melayu Melaka sebagai rajanya dan kedaulatan raja itu diperkukuhkan lagi dengan konsep derhaka yang dihubungkan dengan sebuah *waadat* antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun. Seseorang itu dianggap derhaka jika enggan menerima perintah raja atau menentang perintah raja. Mereka yang derhaka akan menerima bahana atau akibat daulat derhaka raja. Konsep ini diperjelaskan melalui mitos-mitos dan peristiwa-peristiwa legenda yang dipercayai pernah terjadi sama ada di Singapura mahupun di Melaka. Melalui peranan peristiwa-peristiwa yang ajaib dan tokoh-tokoh agama seperti Nabi Khidir, dapat memperjelaskan bahawa daulat yang dimiliki oleh raja-raja Melayu itu adalah anugerah dan restu Tuhan.

Kewujudan bandar atau kota adalah juga petanda penting wujudnya tamadun. Walaupun *Sejarah Melayu* tidak menceritakan rupa bentuk kota Melaka sebenarnya, namun daripada beberapa peristiwa dan gambaran yang tergambar dalam teks tersebut jelas menunjukkan bahawa Melaka merupakan sebuah kota **madani** dan kota **saadah**. Dari segi sistem sosialnya, Melaka telah mempunyai sistem sosial yang teratur. Ini menyebabkan Melaka sebuah kota yang aman dan sesuai

untuk didiami dan sesuai untuk dijadikan kota perdagangan, pusat pendidikan, pusat penyiaran agama Islam dan pusat pemerintahan.

Pada lazimnya, peningkatan tamadun manusia boleh diukur dari sudut tahap pencapaian fizikal dan intelektual. Pencapaian fizikal selalunya melibatkan peluasan tanah jajahan menerusi penaklukan yang pada kebiasaannya menggunakan kuasa ketenteraan. Pencapaian intelektual melibatkan pencapaian pemikiran telah mendapat tempat istimewa di istana raja Melaka. Tokoh-tokoh agama Islam yang datang ke Melaka bukan sahaja datang untuk menyebarkan agama Islam tetapi juga untuk mempertingkatkan dan mendalami ajaran agama Islam. Ilmu Tasawuf yang dibawa oleh Maulana Abu Bakar dan Maulana Sadar Jahan memperlihatkan bahawa tahap pemikiran dan intelektual orang-orang Melayu adalah tinggi.

Sebelum kedatangan Islam, tamadun Melayu telah diperkembangkan oleh tamadun Hindu, tetapi agama Islam telah memantapkan tamadun Melayu tersebut. Faktor agama telah mampu melahirkan kepimpinan yang berwibawa, ia juga sekali gus mampu melahirkan masyarakat yang sama bersama-sama menyumbang ke arah kecemerlangan pencapaian negara dalam pelbagai bidang. Masyarakat Islam ialah suatu masyarakat yang universal, yakni tidak *racial*, tidak bersifat nasional dan tidak terbatas dalam lingkungan batas-batas

geografi. Ia terbuka untuk seluruh umat manusia tanpa memandang jenis, warna kulit, bahasa dan bangsa, malah tidak juga memandang keyakinan dan kepercayaan individu. Yang dikehendaki hanyalah saling berhubung dengan baik dan berdisiplin (Amir A.Rahman,1991:7) Selalunya faham keagamaan menekankan peri pentingnya aspek akhlak dan nilai-nilai baik yang menekankan perlunya keseimbangan dan kesederhanaan bagi memastikan manusia tidak bersifat rakus yang akhirnya menghancurkan tamadun yang telah mereka bina. Faktor inilah yang memantapkan dan mengukuhkan lagi tamadun Melayu, dan pada masa yang sama mempercepatkan proses interaksi dan integrasi antara pelbagai kaum dan bangsa yang ada di Melaka ketika itu.

Selain itu, faktor migrasi dan pemindahan kebudayaan adalah penting dalam menjamin peningkatan tamadun manusia. Melalui penaklukan dan aktiviti perdagangan pertukaran budaya berlakulah asimilasi budaya. Adunan yang selesa antara beberapa tamadun yang bertembung di Melaka telah mewarnai tamadun Melayu hari ini. Di samping itu faktor migrasi dan perkahwinan juga dapat menyuburkan budaya dan seterusnya memperkembangkan tamadun. Menurut *Sejarah Melayu*, kota Melaka menjadi pusat tumpuan pedagang-pedagang asing dan ramai di antara mereka yang menetap dan berkahwin pula dengan penduduk tempatan. Malah ada di antara mereka yang mendapat tempat yang tinggi dalam struktur masyarakat Melayu Melaka. Sebagai contoh

keturunan Mani Purindam yang bukan sahaja memegang jawatan Penghulu Bendahari tetapi juga ada hubungan darah dengan keluarga Tun Perak dan Raja Melaka. Masyarakat Cina turut berkembang di Melaka selepas perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Puteri Hang Li Po. Orang-orang Cina dikatakan tinggal menetap di Bukit Cina dan dipercayai keturunan mereka ini dikenali sebagai *Baba* dan *Nyonya* yang ada pada hari ini. Tamadun Melaka dibina melalui proses perkahwinan antara bangsa pendatang dengan penduduk tempatan akhirnya melahirkan bangsa dan kebudayaan Melayu yang kosmopolitan itu. Inilah keistimewaan tamadun Melayu, tamadun yang terbuka dan sentiasa menerima, memindah, meminjam dan pertukaran budaya yang banyak mempertingkatkan tamadun Melayu hingga ke hari ini.

Selepas proses penyatuan dan pengukuhan, tamadun selalunya akan mengalami proses "turun naik" atau "pusingan" yang tersendiri. Ini terjadi disebabkan oleh tekanan dari dalam seperti ketidakseimbangan antara pertumbuhan penduduk, ekonomi dan politik. *Sejarah Melayu* menggambarkan suasana tersebut melalui perebutan kuasa politik yang telah bermula sejak Melaka menerima orang-orang asing menetap di Melaka. Ini diperlihatkan melalui perebutan kuasa antara Seri Nara Diraja dan Tun Perak. Walaupun pergeseran politik itu dapat diselesaikan namun ia diibaratkan seperti api dalam sekam. Ketika pemerintahan Sultan Mahmud Syah, perebutan kuasa politik antara kaum Tamil-Muslim

(Keling) dengan Melayu terjadi sekali lagi. Akibatnya Bendahara Seri Maharaja dan keluarganya dibunuh. Melaka menjadi lemah dan akhirnya dengan mudah ditakluk oleh Portugis. Faktor dalaman menjadi punca utama melemahkan kekuatan sesebuah tamadun dan faktor luaran pula mempercepatkan kejatuhan sesebuah tamadun itu.